

10 AUG 2002

Mahathir-Bahasa

DR MAHATHIR MINTA JANGAN POLITIKKAN PENGGUNAAN B.INGGERIS

IPOH, 10 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata soal penggunaan bahasa Inggeris untuk mengajar Matematik dan Sains tidak harus dipolitikkan kerana ia bukannya elemen politik tetapi bahasa ilmu.

Katanya penggunaan bahasa itu juga tidak akan mengubah budaya atau identiti seseorang kerana matlamat sebenar adalah untuk meningkatkan tahap pencapaian bangsa Malaysia.

"Saya belajar bahasa Inggeris di sekolah sejak kecil lagi tetapi saya tidak jadi orang putih. Seseorang itu tidak akan menjadi orang Inggeris hanya kerana belajar bahasa Inggeris," katanya pada majlis jamuan tengah hari bersama pemimpin Barisan Nasional negeri sempena lawatan beliau ke Perak di kediaman Menteri Besar di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata pemimpin BN juga tidak harus menjadikan ia satu isu politik kerana kerajaan sebenarnya mahu melihat rakyat Malaysia yang berilmu, terpelajar dan boleh berhujah di forum antarabangsa.

"Saya tak percaya orang yang hanya belajar bahasa Inggeris dalam mata pelajaran bahasa Inggeris boleh berhujah tentang sains, matematik dan teknologi di majlis antarabangsa," katanya.

Perdana Menteri berkata semakin banyak negara maju di dunia kini memberi penekanan kepada bahasa Inggeris, antaranya Jerman dan China, yang meminta ratusan ribu rakyatnya belajar bahasa itu.

Beliau juga berkata sikap sensitif terhadap kaum lain dan kesanggupan untuk berkorban harus diteruskan kerana ia telah terbukti menjamin perpaduan dan keamanan di negara ini.

Sikap ini telah membolehkan kerjasama pelbagai kaum dalam Perikatan dan kemudian BN sehingga ia menjadikan Malaysia sebuah negara contoh kepada negara lain di seluruh dunia, katanya.

"Orang Melayu sanggup gugurkan nama Persekutuan Tanah Melayu dan tulisan Jawi demi kerjasama dengan kaum-kaum lain," tegas beliau.

Dr Mahathir berkata kesanggupan untuk berkorban, membelakangkan kepentingan sendiri dan sensitif terhadap kehendak kaum lainlah yang menjadikan BN sebuah parti sederhana dan dapat memajukan negara ini selama ini.

Walaupun BN bersikap sederhana, ia selalu diugut oleh ekstremis kaum, tidak kira Melayu, Cina dan India yang selalu membuat tuntutan yang boleh menjejaskan hubungan kaum, katanya.

"Kalau dilayan, kita tak boleh kerjasama dengan kaum lain. Jika ditolak, mungkin orang Melayu sokong PAS...apa akan jadi kalau Umno kalah, apakah MCA atau MIC boleh bekerjasama dengan PAS?" tanya beliau.

Dr Mahathir menegaskan bahawa kekuatan BN selama ini telah mewujudkan kerajaan yang stabil dan berjaya mengatasi pelbagai krisis, termasuk kegawatan ekonomi pada tahun 1997 dan 1998.

Katanya kepesatan ekonomi yang wujud di Perak sekarang, termasuk projek Proton City di Tanjong Malim yang kini dibangunkan semula setelah tergendala akibat kegawatan, adalah atas usaha kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan.

Lawatan Dr Mahathir ke Perak yang bermula dengan kunjungan ke Universiti Pendidikan Sultan Idris di Tanjong Malim merupakan kali pertama beliau datang ke negeri ini selepas mengumumkan hasratnya Jun lepas untuk bersara tahun depan.

-- BERNAMA

AR RON